



بوليتين
BULETIN

IPTG

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA

Bil.12/1445H/2023

Amanat

MENTERI BESAR

امانت منترى بسر 07

MENARIK

SELAWAT
IBRAHIMIYAH 06

ARTIKEL
MAULIDUR RASUL 10

BIOGRAFI
RASULULLAH SAW 14

IMBAS OR
DIBAWAH!



www.iptg.my



iptg.kel@gmail.com



09-747 0919



Institut Pemikiran Tok Guru



[iptg_official](https://www.instagram.com/iptg_official)

كلام منتري بسر

Kalam Menteri Besar

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari Kiamat dan yang banyak mengingat Allah.

[al-ahzab:21]

“Pertamanya, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Mantan Menteri Besar, Yang Berhormat Ustaz Dato’ Ahmad bin Yakob di atas segala jasa dan sumbangan beliau sepanjang mentadbir Kerajaan negeri Kelantan selama 10 tahun bermula tahun 2013 sehingga 2023.

Pencapaian demi pencapaian telah dilaksanakan demi rakyat, sumbangan masa dan tenaga telah dipertaruhkan untuk melihat negeri Kelantan ke arah sebuah negeri yang Berkat, Makmur dan Berkeadilan di bawah dasar Membangun Bersama Islam, hanya Allah yang mampu memberikan sebaik-baik ganjaran dan saya juga ingin mengucapkan Siiru ‘Ala Barokatillah kepada para pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan bagi penggal ke 15.

Terima kasih juga kepada semua rakyat Kelantan memberi kepercayaan kepada semua pimpinan untuk mentadbir Kerajaan Negeri Kelantan. Inshallah saya dan barisan pimpinan akan menjalankan segala amanah ini dengan baik demi kesejahteraan rakyat Kelantan.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT selaku pentadbir, pencipta dan pemerintah sekalian alam kerana dengan limpah izinNya Buletin IPTG Bil.12/2023 ini dapat diterbitkan. Terima kasih dan ucapan tahniah kepada warga IPTG yang begitu komited menjalankan tugas dan amanah. Harapan saya agar seluruh warga IPTG akan terus mengembleng tenaga untuk mencapai visi dan misinya untuk mengembangkan Dasar Membangun Bersama Islam.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan sidang redaksi penerbitan buletin ini dan berdoa agar semoga usaha murni akan mendapat keredaan dan keberkatan Allah SWT.

Sekian,

Terima Kasih. Wassalam

YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’
Haji Nassuruddin bin Haji Daud
Menteri Besar Kelantan

كاتبیت

Kata Penerbit

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (Amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedangkan kamu mengetahui salahnya".

(al-anfal: 72)

“

d a n

Saya merafakkan puji dan syukur ke hadirat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat, keluarga serta seluruh pengikut Baginda SAW kerana dengan izin limpah rahmatNya, Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dapat meneruskan usaha menerbitkan Buletin IPTG pada kali ini (Bil.12 /1445H/2023) dengan jayanya.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Nassuruddin Bin Haji Daud di atas perlantikan beliau sebagai Menteri Besar Kelantan bagi penggal ke-15, Yang Berhormat Dato' Mohamed Fadzli Bin Dato' Hassan sebagai Timbalan Menteri Besar serta barisan kepimpinan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan dan kepada semua ADUN-ADUN yang telah terpilih. Didoakan semoga semua barisan kepimpinan ini dapat menjalankan amanah yang diberikan dengan baik.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada mantan Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kelantan serta ADUN-ADUN yang telah memberi khidmat yang cemerlang bagi penggal yang lalu. Didoakan semoga Allah SWT memberi ganjaran yang besar di atas khidmat dan bakti yang dicurahkan kepada masyarakat.

Buletin edisi kali ini memaparkan aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah berjaya di laksanakan oleh IPTG sepanjang bulan Jun sehingga September 2023. Setinggi-tinggi tahniah kepada warga kerja IPTG yang bertungkus-lumus menjayakan dua program yang berimpak besar iaitu program "Wacana Pemikiran Dakwah Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat" dan "Wacana Kepimpinan Penolong-Penolong Kanan Sekolah-Sekolah YIK". Selain itu, kursus Dasar MBI UMI di beberapa Dun turut dilaksanakan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha untuk menjayakan penerbitan buletin kali ini. Harapan kami amatlah besar semoga buletin ini menjadi wadah untuk berkongsi pelbagai maklumat semasa dan terkini IPTG dan memberi manfaat kepada semua. Semoga Allah SWT menerima dan memberkati amalan daripada kita semua dan memasukkan kita dalam kalangan orang-orang beriman dan berjaya. Sekian, terima kasih. Wassalam.

Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat
Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)



تهنئته Tahniah

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM



**MENTERI BESAR
YANG AMAT BERHORMAT
DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO'
HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN DAUD**
Pengerusi Jawatankuasa
Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah

**TIMBALAN MENTERI BESAR
YANG BERHORMAT
DATO' DR. MOHAMED FADZLI
BIN DATO' HAJI HASSAN**

Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan
Undang-Undang



AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN PENGKAL KE-15



**YB MEJAR (B) DATO'
HAJI MD ANIZAM BIN
AB RAHMAN**

Pengerusi Jawatankuasa
Pela-buran, Perindustrian,
Sumber Manusia, Perdagangan
dan Keusahawanan



**YB DATO'
DR. HAJI IZANI
BIN HUSIN**

Pengerusi Jawatankuasa
Kejaran, Infrastruktur,
Air dan Pembangunan
Luar Bandar



**YB USTAZ HAJI TUAN
MOHD SARIPUDIN
BIN TUAN ISMAIL**

Pengerusi Jawatankuasa
Pertanian, Industri
Agromakanan dan
Komoditi



**YB USTAZ WAN
ROSLAN BIN WAN
HAMAT**

Pengerusi Jawatankuasa
Pendidikan, Pengajian Tinggi,
Teknologi Hijau, Digital
dan Inovasi



**YB HAJJAH ROHANI
BINTI IBRAHIM**

Pengerusi Jawatankuasa
Pendidikan, Pengajian Tinggi,
Teknologi Hijau, Digital
dan Inovasi



**YB USTAZ MOHD
ASRI BIN MAT DAUD**

Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Islam,
Dakwah, Pencerahan dan
Hubungan Serantau



**YB ZAMAKHSHARI
BIN MUHAMAD**

Pengerusi Jawatankuasa
Bella, Sukan, NGO dan
Perpaduan Masyarakat



**YB HILMI BIN
ABDULLAH**

Pengerusi Jawatankuasa
Kerajaan Tempatan,
Perumahan, Kesihatan
dan Alam Sekitar



**YB DATUK KAMARUDIN
BIN MD NOR**

Pengerusi Jawatankuasa
Pelancongan, Kebudayaan,
Kesenian dan Warisan



02 | KALAM MENTERI BESAR

03 | KATA PENERBIT

04 | AHLI MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI KELANTAN PENGGAL-15

05 | SIDANG REDAKSI

06 | SELAWAT IBRAHIMIYAH

07 | AMANAT MENTERI BESAR

08 | SEMINAR PEMIKIRAN DAKWAH

09 | STRATEGI LAUTAN HIJAU

10 | NABI MUHAMMAD SAW TAULADAN
AGUNG SEPANJANG ZAMAN

ISI KANDUNGAN

11 | NABI MUHAMMAD SAW TAULADAN
AGUNG SEPANJANG ZAMAN

12 | BERTAQWA DAN BERAKHLAK
MULIA

13 | TAZKIRAH TOK GURU

14 | BIOGRAFI RASULULLAH SAW

15 | SENYUM ITU IBADAH

16 | SENYUM ITU IBADAH

17 | PESAN TOK GURU

18 | LENZA : SANA SINI IPTG

19 | LENZA : SANA SINI IPTG

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YAB Dato' Panglima Perang
Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin
bin Haji Daud

PENASIHAT

YBhg. Profesor Emeritus
Dato' Dr. Johari Mat

PENYELARAS

Ustaz Zulkipli Bin Mat Yusof

PENOLONG PENYELARAS

Mohd Hafizi Bin Mahadi

KETUA PENGARANG

Nurliyana Binti Ahmed

SIDANG PENGARANG

Norshafinaz Binti Nazaruddin

EDITOR

Ahmad Fathi Bin Yusof
Nabil Abqari Bin Zuhaidi
Siti Nur Amirah Bt Fauzi

JURUFOTO

Muhammad Khairul Naim Bin Jazli
Wan Muhammad Faizat Bin
Wan Sanusi

ARTIKEL

Nurliyana binti Ahmed
Norshafinaz binti Nazaruddin
Anis Nadhirah binti Azhar
Nur Syazana Athirah binti Izazi

ALAMAT SURAT MENYURAT

Institut Pemikiran Tok Guru Dato'
Bentara Setia,
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan
Negeri Kelantan, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

REKA BENTUK

Wanza Advertising & Printing
No 26, Tingkat 1, Jalan Mat Kilau,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur
No.Telefon: 0111 3000 434
Emel: wanzanet.hq@gmail.com

Selawat Ibrahimiyah

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Maksudnya:

"Ya Allah, berilah rahmat kepada Penghulu kami Nabi Muhammad SAW dan keluarga Muhammad SAW. Sebagaimana Engkau merahmati Nabi Ibrahim AS dan keluarga Nabi Ibrahim AS. Berkatilah penghulu kami Nabi Muhammad SAW dan keluarga Penghulu kami Muhammad SAW. Sebagaimana Engkau memberkati Nabi Ibrahim AS dan keluarga Nabi Ibrahim AS. Di alam semesta ini, Engkau sahajalah Yang Paling Terpuji dan Yang Paling Mulia."

Selawat Ibrahimiyah adalah selawat yang dibaca pada separuh kedua dalam tahiyat akhir di dalam solat adalah sunat. Nabi Muhammad SAW sendiri berasal daripada keturunan Nabi Ibrahim AS, sekaligus Baginda AS adalah datuk kepada Rasulullah SAW dan juga datuk kepada semua umat Nabi Muhammad SAW. Ini menunjukkan betapa besarnya kedudukan Nabi Ibrahim AS disisi Allah SWT sehingga kita juga di ajar untuk memohon kepada Allah SWT supaya diberi kedudukan bersama Nabi Ibrahim AS.

Kelebihan Selawat Ibrahimiyah

1 Doa yang mustajab

Dari Sa'id al-Musayyab, dari Umar bin Khattab, ia berkata:

"Sesungguhnya doa akan terhenti antara langit dan bumi dan tidak mampu naik ke atas, hingga kamu membaca selawat atas Nabimu SAW."
(HR Tarmizi)

3 Terhindar dari penyakit hati

Disarankan untuk kita amal baca selawat ini setiap hari bagi mengelakkan diri dari penyakit hati yang mampu menghitamkan hati seperti sombong, dendam, iri dan mengumpat kepada orang lain.

5 Selawat yang dibaca di dalam khutbah kedua Jumaat

Allah SWT sendiri berselawat keatas Nabi Muhammad SAW begitu juga para malaikat berselawat juga keatas Baginda SAW. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:
"Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi Muhammad; wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya." (al-Ahzab: 56)

Maksud selawat berbeza mengikut siapa yang berselawat. Jika selawat daripada Allah SWT bermaksud pujian kepada Baginda SAW di hadapan para malaikat. Selawat para malaikat kepada Baginda pula bermaksud doa tambahan untuk gandaan pahala. Manakala selawat manusia yang beriman pula adalah satu bentuk doa untuk memohon limpahan rahmat, kemuliaan, kehormatan dan pujian kepada penghulu kita, Nabi Muhammad SAW.

2 Syafaat di hari kiamat

"...Kemudian bacalah selawat kepadaku. Kerana barangsiapa membaca selawat untukku satu kali, maka Allah SWT membalasnya dengan sepuluh selawat. Lalu mintakanlah kepada Allah wasilah untukku. Wasilah adalah sebuah kedudukan di syurga yang tidak layak kecuali bagi hamba Allah SWT, dan aku berharap agar aku adalah hamba Allah SWT tersebut. Barangsiapa memintakan wasilah kepada Allah SWT untukku, maka dia berhak mendapatkan syafaat." (HR Muslim)

4 Dikurniakan pahala

Ali bin Hujr menceritakan kepada kami, Ismail bin Ja'far memberitahukan kepada kami dari al-Ala' bin Abdurrahman dari ayahnya, dari Abu Hurairah, ia berkata: Rasulullah SAW bersabda: *"Barangsiapa membaca selawat untukku satu kali, maka Allah akan memberinya rahmat sepuluh kali."* (HR Muslim)

Majlis Amanat Khas

MENTERI BESAR KELANTAN

**KHAMIS, 21 SAFAR 1445H BERSAMAAN 07 SEPTEMBER 2023
DEWAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA, KOTA DARULNAIM**

Pada 21 Safar 1445H bersamaan 07 September 2023 telah berlangsungnya Majlis Amanat Khas Menteri Besar yang disampaikan oleh Menteri Besar Kelantan, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud telah diadakan di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim dan dihadiri oleh penjawat awam negeri Kelantan.

Beliau merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pimpinan dan anggota perkhidmatan awam dalam negeri Kelantan yang sama-sama hadir menayakan program tersebut. Dalam ucapan beliau lagi, sempat mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat Kelantan kerana telah memberi mandat dan memilih Kerajaan Negeri Membangun Bersama Islam demi kesejahteraan bersama.

Beliau juga menzahirkan setinggi-tinggi ucapan junjung kasih terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Kelima diatas ampuni perkenan, kepercayaan dan keyakinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada beliau untuk menerajui Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim bagi penggal ke-15.

Ucapan beliau lagi, keindahan dasar Islam telah berjaya meletakkan Kelantan sebagai model Kerajaan berintegriti. Antara sumber kekuatan Kerajaan ini adalah meletakkan pemahaman yang jelas mengenai dasar-dasar Islam dalam setiap agenda pentadbiran negeri yang berlandaskan asas Aqidah dan syariat Islam dengan menyemai nilai taqwa kepada seluruh rakyat.

Oleh itu, rakyat Kelantan sangat menghargai jasa kepimpinan terdahulu sejak pengenalan dasar Membangun Bersama Islam pada era pentadbiran Almarhum Tuan Guru Tan Sri Dato' Haji Nik Abdul Aziz, serta diperkukuhkan pada era Merakyat Membangun Bersama Islam pimpinan pentadbiran YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob yang telah mengecapi pelbagai kejayaan demi kesejahteraan rakyat Kelantan. Beliau juga menyatakan bahawa kemenangan yang dicapai dalam PRU-15 tempoh hari merupakan amanah dan tanggungjawab yang sangat besar untuk dilaksanakan. Kita semua perlu bekerja dengan lebih gigih lagi untuk melaksanakan amanah tersebut menerusi tawaran-tawaran tersebut seperti Pembangunan Sosio-ekonomi, Pembangunan Bekalan Air Bersih, Pembangunan Insaniah, Pembangunan Pendidikan dan Kemahiran, Pembangunan Wanita, Pembangunan Keluarga dan Masyarakat, Anak Muda bermaruah dan lain-lain lagi.

Tambah beliau lagi, kepimpinan Kerajaan Negeri amat komited untuk melaksanakan segala inisiatif ini dalam tempoh 100 hari pentadbiran Kerajaan Negeri. Kesemua tawaran dan perancangan ini adalah lanjutan kepada Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke hadapan 2016-2025. Kerajaan Negeri juga akan melancarkan Dokumen Halatuju Portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Penggal ke-15 bagi memperincikan perancangan dan pelaksanaan tawaran tersebut.

Beliau telah memilih beberapa pendekatan yang akan dilaksanakan sepanjang mentadbir negeri Kelantan dan beliau percaya melalui pendekatan-pendekatan ini akan menjadi tuggak kekuatan pentadbiran Kerajaan Negeri bagi penggal ini.

Beliau mengakhiri ucapan dengan menyeru agar semua pihak khususnya penjawat awam semoga terus bekerjasama bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dasar Membangun Bersama Islam menuju Kelantan Maju Rakyat Sejahtera.



Seminar

قمة دعوته

PEMIKIRAN DAKWAH

**TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA TAN SRI DATO' HAJI
NIK ABDUL AZIZ NIK MAT**

Seminar Pemikiran Dakwah Tuan Guru Dato' Bentara Setia Tan Sri Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat telah diadakan pada 19 Zulkaedah 1444H bersamaan 8 Jun 2023 di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa, Kelantan.

Seminar ini telah dianjurkan bersama Yayasan Amanah Tok Kenali Negeri Kelantan (YTK), Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Bahagian Dakwah Halaqat Negeri Kelantan dan Ilmuan Islam Kelantan.



Seminar ini bertujuan untuk memperkenalkan ketokohan dan sumbangan Tan Sri Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat sepanjang mentadbir negeri Kelantan sejak tahun 1990 hingga 2013 serta mendedahkan pemikiran dakwah beliau dan seni pelaksanaannya di negeri Kelantan.

Seminar ini telah dihadiri lebih daripada 1000 orang dari seantara negara.

- ◆ 19 ZULKAEDAH 1444H BERSAMAAN 8 JUN 2023
- ◆ PUSAT TARBIAH ISLAMIAH KELANTAN (PUTIK), PENGKALAN CHEPA, KELANTAN

STRATEGI LAUTAN HIJAU

Strategi Lautan Biru dalam Perkhidmatan Awam telah dilancarkan di peringkat nasional pada tahun 2009 dan Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan turut sama dalam melaksanakan Strategi Lautan Biru.

Kerajaan Negeri telah menggubal strategi yang kreatif berasaskan rangka kerja dan metodologi Strategi Lautan Biru yang menghasilkan impak yang ketara dengan kos yang minima. Pelaksanaan yang pantas telah dicapai melalui kerjasama dan kesukarelawan antara jabatan.

Pentadbiran Awam Negeri Kelantan telah melalui tahap-tahap dalam Strategi Lautan Biru. Kini, Kerajaan Negeri Kelantan memperkenalkan Strategi Lautan Hijau yang melibatkan 5 tahap. Peralihan dari Tahap 4 Strategi Lautan Biru ke Tahap 5 Strategi Lautan Hijau boleh dicapai melalui keterlibatan rakyat dalam inovasi projek, produk dan perkhidmatan yang mampan.

Strategi Lautan Hijau melibatkan integrasi antara 3 nilai iaitu Nilai Sosial, Nilai Ekonomi dan Nilai Alam Sekeliling sejajar dengan agenda pembangunan lestari dan mengambil pendekatan penambahbaikan meliputi empat teras utama dalam Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan 2019-2023 iaitu ekonomi, sosial, alam sekitar dan urus tadbir. Empat teras utama tersebut adalah sebagaimana berikut

Teras Ekonomi yang berfokuskan kepada meningkatkan ekonomi ke tahap yang lebih kompetitif melalui teras strategi pertumbuhan hijau. Tonggak ini akan dipacu melalui strategi pelaksanaan sektor pertanian, pelancongan dan pembuatan

01

Teras Alam Sekeliling yang berfokuskan kepada kemampanan sumber alam sekeliling melalui usaha pengurangan impak perubahan iklim.

02

Teras Sosial yang berfokuskan kepada kualiti kehidupan rakyat melalui komuniti yang berlandaskan cara kehidupan hijau.

03

Teras Urus Tadbir yang berfokuskan kepada kepimpinan berwawasan melalui pengurusan pintar bagi meningkatkan prestasi.

04

AKOUG SIFJER ZMAN

Nabi Muhammad SAW Nabi Muhammad SAW adalah pemimpin agung sepanjang zaman. Baginda diutuskan sebagai seorang Nabi dan Rasul bukan untuk bangsa Arab semata-mata, bahkan buat seluruh makhluk Allah SWT di atas muka bumi ini. Baginda SAW bukan saja seorang pahlawan terunggul dan ahli politik yang agung, tetapi Baginda merupakan seorang suami, bapa dan datuk yang penyayang.

Pemilihan Baginda SAW sebagai Nabi dan Rasul untuk memimpin umat ini bukan seperti mana pemilihan seorang perdana menteri atau presiden melalui pilihanraya selepas mendapat undi majoriti rakyat. Begitu juga tidak seperti perlantikan raja dalam sistem monarki yang terikat dengan susur galur keturunan. Malah tidak sama sekali seperti dalam perkhidmatan awam atau organisasi korporat dilantik menerusi sokongan pihak-pihak berkepentingan untuk menyandang sesuatu jawatan.

Allah SWT melantik Nabi Muhammad SAW secara terus untuk memimpin tanpa sebarang campur tangan manusia melalui wahyu. Sebab itu Rasulullah SAW menolak tawaran jawatan raja dari kaum Quraisy kerana Baginda akan terikat dengan kehendak dan syarat yang bertentangan misi para Nabi dan Rasul.

Misi kerasulan Nabi Muhammad mengatasi kehendak kebendaan, pangkat dan pengaruh seperti kelaziman mana-mana jawatan yang menjadi rebutan. Nabi Muhammad SAW diutuskan adalah untuk membebaskan manusia dari memperhambakan diri kepada manusia kepada beribadah kepada Allah SWT, dari kesempitan dunia kepada alam kehidupan yang luas.

Risalah Baginda yang bermula di Mekah selama 13 tahun telah merubah akidah sesat keberhalaan dan perhambaan manusia bukan hanya di semenanjung Arab, bahkan merangkumi seluruh dunia. Rata-rata dunia termasuk Timur dan Barat dalam kesesatan menyembah batu-batu berhala, pokok, matahari, jin, manusia, hawa nafsu dan sebagainya. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud:

"Sesungguhnya Engkau (Wahai Rasulullah) mempunyai budi pekerti yang paling agung." (al-Qalam: 4)

Ayat ini menerangkan bahawa Baginda Rasulullah SAW merupakan insan yang memiliki budi pekerti yang paling agung sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Quran yang bermaksud:

"Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia." (al-Qalam: 4)

**NABI
MUHAMMAD
S.A.W**

نبي محمد نولادان

Oleh itu, Rasulullah SAW menjadi contoh kepada seluruh insan sesuai dengan perutusan Baginda SAW sebagai risalah buat seluruh alam. Penjelasan ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah SWT dan (balasan baik) hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah SWT banyak-banyak (sewaktu susah dan senang).” (al-Ahzab: 21)

Ayat ini jelas membuktikan kepada kita bahawa orang yang benar-benar beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat sudah pasti dia menjadikan Rasulullah SAW sebagai tauladan utama dalam kehidupannya. Contoh tauladan tersebut merangkumi seluruhnya seperti pentadbiran, ekonomi, pendidikan, hubungan keluarga, akhlak, negara serta semua sistem kehidupan dunia.

TAULADAN AGUNG SEPANJANG ZAMAN

Rasulullah SAW adalah menjadi contoh kepada insan dalam kehidupan termasuk semasa berurusan sesama manusia, tidak kira sama ada bersama kawan ataupun lawan, bangsa dan keturunan. Baginda memiliki sifat-sifat terbaik seperti siddiq, amanah, tabligh, fatonah, peramah, sabar, jujur, berjiwa mulia dan banyak lagi yang perlu kita contohi dalam kehidupan.

Seorang sahabat Baginda SAW pernah bertanya kepada Saiyyidatina Aisyah RA mengenai akhlak Baginda SAW, lalu Saiyyidatina Aisyah menjawab: *“Akhlak Nabi Muhammad SAW adalah al-Quran.” (HR Muslim)*

Dalam urusan dakwah, Rasulullah SAW berurusan dengan pelbagai ragam dan sikap manusia dalam usahanya untuk membawa Islam dan memperkenalkannya kepada masyarakat. Ada yang menerima dan ada yang menolak dan ada juga yang tidak mengambil kisah, namun Baginda sentiasa menyantuni mereka dalam semua keadaan. Ini adalah selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu.” (Ali Imran: 159)

Oleh yang demikian, bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul SAW kali ini marilah kita sama-sama beriltizam dengan sunnah Nabi SAW dari sekecil-kecil hingga sebesar-besar urusan kehidupan dengan kadar daya upaya masing-masing. Marilah kita sama-sama mengajak semua ahli keluarga, masyarakat dan semua sekali supaya dapat mencontohi sikap Rasulullah SAW dan semoga kita memperolehi kebaikan yang melimpah di dunia dan di akhirat.

Bertakwa & Berakhlak Mulia

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا
كُنْتَ وَأَتَّبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

Daripada Abu Zar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Bertakwalah kepada Allah di mana saja kamu berada. Dan ikutilah perbuatan yang buruk itu dengan amalan yang baik, nescaya kebaikan dapat menghapuskan keburukan berkenaan. Dan bergaullah sesama manusia dengan akhlak yang baik." (HR Tarmizi: 1910)

Pengajaran Hadis

Hadis tersebut mengandungi nilai yang penting dalam perkara yang berhubung dengan Allah SWT dan manusia. Penilaian ini dapat dilihat dari penegasan Rasulullah SAW yang menjelaskan betapa dan bagaimana sifat takwa kepada Allah SWT itu diamalkan dan menjelaskan juga betapa pentingnya akhlak seseorang manusia dalam kehidupan seharian. Antara intipati hadis ini ialah:

- 1 ebagai Muslim, kita perlu sentiasa bertakwa dimana sahaja kita berada dengan berusaha melaksanakan segala perintah dan berusaha bersungguh-sungguh meninggalkan larangan Allah SWT.
- 2 Jika kita terlanjur melakukan perbuatan yang salah, bersegeralah melakukan amal kebaikan agar perbuatan baik itu boleh menghapuskan dosa yang telah dilakukan seperti beristighfar, berwuduk, solat, sedekah, berbuat baik sesama insan, amar makruf nahi mungkar dan sebagainya.
- 3 Bergaullah sesama insan sama ada ahli keluarga, jiran tetangga, rakan sepejabat mahupun anggota masyarakat yang Muslim dan bukan Muslim dengan akhlak terpuji.
- 4 Akhlak yang baik adalah bukti takwa seseorang.

تذكرة توع كنورو

TAZKIRAH TOK GURU

Tajuk Nabi SAW Utusan Allah SWT

“

Sepatutnya bila mengingati seorang nabi, kita usahalah supaya kita jugok berperangai nabi. Apa erti kito sambut seore nabi lahir di muka dunia, kita sambut dengan caro joget dengan caro minum arok, dengan caro mabuk, dengan caro gapo, ini jauh, lari jauh daripada risalah dan mesej seorang nabi.

Orang Inggeris sambut Nabi Isa sekali setahun iaitu hari ni lah, semalam malam gaponyo buat joget gapo tempat dio. Kita ore Islam nih tak sambut sekali setahun. Kita sambut tiap- tiap pagi. Tiap- tiap pagi kita diajar sebut

Allahumma inni asbahtu minka fi ni`matin wa `afiyatin fi sitr

Ya Allah Ya Tuhanku sejak pete gini aku hidup dalam gelap kampung aku ni beri malam bagi mu berenti kijo, mu cari makan. Jadi teringat pada Allah, Ya bangun pagi ni dalam keadaan tubuh pun segar

Ini semua nikmat yang untuk kita ucap syukur. Ni pagi. Jadi kita digalak sambut tahun baru. Masalah sekali setahun, kita tiap - tiap hari setahun, jadi 360 kali saja beza banyak orang yang Islam dengan

pah ceroh tempat- tempat keadaan nikmat, male aku aku tido. "Aku buat aku buat siang hari untuk bangun pagi celik mata Allah Ya Tuhanku aku keadaan segar, dalam hati pun sihat.

Tuhan beri kepada kita semua ucapan tiap-tiap sambut hari baru bukan sambut nikmat Tuhan ni hari , Bila tiap- tiap hari, 360 setahun kita sambut hari baru, beragama, orang agama orang agama lain.



SCAN DISINI
Untuk tonton Video

Biografi

Nabi Muhammad S.A.W

محمد ﷺ

NAMA	: MUHAMMAD BIN ABDULLAH
NAMA BAPA	: ABDULLAH BIN ABDUL MUTALLIB BIN HASYIM BIN ABDUL MANAF BIN QUSAY BIN KILAB BIN MURRAH BIN KAAB
NAMA IBU	: AMINAH BINTI WAHHAB BIN ABDUL MANAF BIN ZUHRAH BIN KILAB BIN MURRAH BIN KAAB
NENEK SEBELAH BAPA	: FATIMAH BINTI UMAR AL-MAKHZUMIYAH
NENEK SEBELAH IBU	: BURRAH BINTI ABD UZZA BIN USMAN BIN ABDUL DAR
TARIKH LAHIR	: ISNIN SEBELUM TERBIT MATAHARI 12 RABIUL AWAL TAHUN KE-53 SEBELUM HIJRAH / 580 MASIHI
TEMPAT LAHIR	: MAKKAH AL-MUKARRAMAH BERHAMPIRAN BUKIT SOFA (RUMAH ABI TALIB)
TARIKH DIANGKAT MENJADI NABI	: 27 RAMADAN TAHUN KE-13 SEBELUM HIJRAH / 609 MASIHI
NAMA PENJAGA	: BARAKAH AL-HABSYIYYAH (DIGELAR UMMU AIMAN)
NAMA IBU SUSUAN	: TSUWAIBAH AL-ASLAMIYAH DAN HALIMAH AS-SA'DIAH
WAFAT	: ISNIN SEBELUM TENGAHARI, 12 RABIUL AWAL TAHUN KE-11 HIJRAH / 632 MASIHI DI MADINAH AL-MUNAWWARAH.

ISTERI-ISTERI RASULULLAH SAW:

- KHADIJAH BINTI KHUWAILID
- SAUDAH BINTI ZAM'AH
- AISYAH BINTI ABU BAKAR
- HAFSAH BINTI UMAR
- UMMI HABIBAH BINTI ABU SUFYAN
- HINDUN BINTI UMAIYAH
- ZAINAB BINTI JAHSY
- MAIMUNAH BINTI HARITH
- SAFIYAH BINTI HUYAI
- ZAINAB BINTI KHUZAIMAH

ANAK-ANAK RASULULLAH SAW:

- QASIM
- ABDULLAH
- IBRAHIM
- ZAINAB
- RUQAIYAH
- UMMI KALTHUM
- FATIMAH AZ-ZAHRA

Senyum Itu Satu IBADAH

Senyum merupakan satu ibadah yang sangat baik dan amat digalakkan dalam Islam. Amalan senyum ini banyak kelebihannya. Antaranya ialah senyum ini merupakan salah satu cara yang paling mudah untuk kita bersedekah. Sebelum ini mungkin kita hanya tahu menerusi harta atau wang ringgit sahaja kita dapat melakukan amalan bersedekah tetapi hanya dengan amalan senyum ini kita juga sudah mampu bersedekah. Rasulullah SAW bersabda; *Senyummu untuk saudaramu adalah sedekah. "Senyummu ketika berjumpa saudaramu adalah ibadah."* (HR Baihaqi)

Sebagai contoh Baginda Rasulullah SAW seorang yang tidak lekang dengan senyuman. Baginda dikenali dengan seorang yang sentiasa senyum, ceria, dan juga berkata baik. Dalam sebuah hadis, disebutkan bahawa perkataan yang baik akan menaikkan darjat di syurga sebagaimana Rasulullah SAW bersabda: *"Dan yang termasuk mengangkat darjat adalah perkataan yang baik, menyebarkan salam, memberi makanan, solat malam ketika manusia dalam keadaan tidur."* (HR Ahmad)

Sebagai umat Islam, kita boleh menjadikan amalan Baginda Rasulullah SAW yang mulia dan indah ini, iaitu tersenyum dan bertegur sapa ini sebagai amalan kita. Selain itu, Baginda Rasulullah SAW mengingatkan umat Islam untuk tidak meremehkan kebajikan sedikit pun termasuk senyuman. Sabda Baginda SAW lagi: *"Jangan meremehkan sedikit pun dari amal kebaikan, meski hanya sekadar bertemu saudaramu dgn wajah yg berseri-seri (senyum)."* (HR Muslim)

Selain itu, dengan senyum ini dapat membuat seseorang itu berasa bahagia. Hal ini kerana senyuman ini merupakan ekspresi wajah yang membawa aura positif dan keceriaan sehingga sesiapaapun yang melihatnya dapat menyebabkan kebahagiaan. Dalam sebuah hadis riwayat Imam Bukhari, diceritakan pada suatu hari ada seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW dan bertanya: "Amalan Islam apa yang paling baik?" Baginda Rasulullah SAW menjawab: "Memberi makan (orang yang memerlukan) dan mengucapkan salam kepada orang yang engkau kenali." (HR. Bukhari)

Senyum Itu Satu IBADAH

Amalan untuk membuat orang lain bahagia juga merupakan suatu kebaikan dan keutamaan dalam agama Islam. Ini adalah salah satu cara yang paling mudah untuk membantu seseorang yang sedang dalam kesusahan hati dan kepada orang yang tidak kita kenali. Kita tidak memerlukan sesuatu yang mewah atau berlebihan kerana dengan senyum ketika bercakap sahaja sudah membuat orang lain merasa bahagia. Selain membuat orang lain bahagia, dengan senyum ini juga membuatkan diri sendiri berasa bahagia.

Dengan senyum juga akan membuat orang berfikiran positif. Sebagai contoh, cuba kita fikirkan hal buruk atau sedih sambil tersenyum. Susahkan? Nak tahu sebabnya? Sebabnya ketika kita tersenyum, tubuh menghantar isyarat "hidup adalah indah". Saat kita tersenyum, tubuh menerimanya sebagai anugerah. Selain itu juga dengan senyum ini percaya atau tidak, ia sangat membantu untuk meredakan stres. Ianya bukan sekadar untuk diri sendiri

Manfaat senyuman juga dapat dirasakan oleh orang-orang di sekitar kita. Keadaan ini dapat membuatkan otot-otot tubuh kita untuk menjadi lebih rileks dan menurunkan tekanan darah.

Sebagai kesimpulan, amalan senyum ini amatlah bermanfaat jika diamalkan dalam kehidupan kita seharian. Memang sukar untuk tersenyum ketika kita dalam kegelisahan. Namun, cubalah untuk tersenyum kerana ia akan memberi manfaat yang sangat baik untuk diri sendiri.



Pesan

TOK GURU

شَفَاعَةٌ SYAFAAT

"Di dunia kalau tidak ada duit, boleh jumpa orang itu ataupun orang ini untuk pinjam ataupun gadai. Tetapi di akhirat kelak, hendak jumpa siapa? Tidak ada orang di Padang Mahsyar kelak, yang boleh tolong kita, selain daripada Allah dan RasulNya, Nabi Muhammad SAW. Nabi Muhammad SAW boleh tolong kita pun kerana syafaat yang diberikan oleh Allah kepada Baginda SAW."

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَوَّلُ مَنْ يَنْشَقُّ عَنْهُ الْقَبْرُ
وَأَوَّلُ شَافِعٍ وَأَوَّلُ مُشَفَّعٍ

Maksudnya: "Aku adalah pemimpin anak Adam pada hari Kiamat. Aku adalah orang yang pertama akan dibangkitkan daripada kubur. Aku adalah orang pertama yang akan memberi syafaat dan dibenarkan memberi syafaat."
[HR Muslim]

طَاعَةٌ TAAT

"Bila masuk dalam kubur, kita tidak bawa duit lagi. Untuk belanja, nasi tidak dibawa dan air juga tidak dibawa untuk minum. Gelaran Dato, Tok Guru atau apa juga jenis sanjungan tidak akan dibawa. Pada masa itu, yang akan dicari ialah Nabi Muhammad SAW. Jumpakah kita dengan Nabi kalau di dunia kita melawan Baginda?"

Firman Allah SWT

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad), dan Ulil Amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu.
(an-Nisa': 59)

LENSA SANA-SINI IPTG



ROMBONGAN DELEGASI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG KE IPTG
30 ZULKAEDAH 1444H / 19 JUN 2023
BILIK GERAKAN NEGERI LAMA, KOTA DARULNAIM



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI DUN KEMUNING
04 ZULKAEDAH 1444H / 24 MEI 2023
KOMPLEKS PEMBANGUNAN INSAN (KPI)



KURSUS KEFAHAMAN MBI DUN KELABORAN
KURSUS KEFAHAMAN MBI DUN KELABORAN
DEWAN TERATAI PANTAI SRI TUJOH



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI DUN PASIR TUMBOH
08 ZULKAEDAH 1444H / 28 MEI 2023
DEWAN MASJID MAHAAD TAQADDUM MAARIF



KURSUS KEFAHAMAN MBI DUN BUNOT PAYUNG
10 ZULKAEDAH 1444H / 31 MEI 2023
DEWAN ASTAKA JKR 10



KURSUS KEFAHAMAN MBI DUN PULAU CHONDONG
10 ZULKAEDAH 1444H / 31 MEI 2023
DEWAN MASJID AL FATAH, JOH



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI DUN KOTA LAMA
11 ZULKAEDAH 1444H / 1 JUN 2023
ROYAL HALL, IBIS HOTEL



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI DUN TANJONG MAS
11 ZULKAEDAH 1444H / 1 JUN 2023
DEWAN KOMPLEKS MASJID REDHA'UDDIN, WAKAF MEK ZAINAB



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI DUN KADOK
13 ZULKAEDAH 1444H / 2 JUN 2023
DEWAN DATUK, KADOK



KURSUS KEFAHAMAN MBI DUN MERANTI
14 ZULKAEDAH 1444H / 3 JUN 2023
PUSAT TARBIAH POHON BULOH

LENSA SANA-SINI IPTG



LAWATAN KERJA JAWATANKUASA PELAJARAN YAKIN KE NEGERI SARAWAK
1-3 ZULKAEDAH 1444H / 21-23 MEI 2023



KURSUS PEMANTAPAN KEPIMPINAN PENGETUA YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK)
4-6 JUN 2023 / 15-17 ZULKAEDAH 1444H
DARUL IMAN TRAINING CENTRE (DITC), KEMAMAN, TERENGGANU DARUL IMAN



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI DUN PASIR TUMBOH
25 ZULKAEDAH 1444H / 14 JUN 2023
DEWAN PENGGAWA DAERAH SEMERAK



KURSUS PEMANTAPAN KEFAHAMAN DASAR MBI KEPADA URUS SETIA - URUS SETIA NEGERI KELANTAN
26 ZULKAEDAH 1444H / 15 JUN 2023
DEWAN JOHOR, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI DUN SELISING
22 ZULKAEDAH 1444H / 11 JUN 2023
PEJABAT DUN SELISING



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI DUN TAWANG
16 ZULKAEDAH 1444H / 5 JUN 2023
KOMPLEKS DARUL TARBIYAH WAKAF ZIN.



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI DUN TENDONG
24 ZULKAEDAH 1444H / 13 JUN 2023
DEWAN PENGGAWA BUNUT SUSU



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI DUN TEMANGAN
17 ZULHIJAH 1444H / 16 JULAI 2023
DEWAN DATO' HJ. HASSAN, PONDOK HIDA'YAH, BATU 30 MACHANG



WACANA KEPIMPINAN PENOLONG KANAN SEKOLAH SEKOLAH YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK)
11 ZULKAEDAH 1444H / 1 JUN 2023
DEWAN KOMPLEKS MASJID REDHA'UDDIN, WAKAF MEK ZAINAB



HIMPUNAN ASATIZAH DAN DU'AT KELANTAN (HIMAT)
19 JULAI 2023 / 01 MUHARRAM 1445H (RABU)
MARKAZ DEWAN ULAMA (MADU), LABOK, MACHANG KELANTAN



SELAMAT
MENYAMBUT

سِلَامَتٌ مِّمْبُوتٌ



MAULIDUR
RASUL

"Orang yang paling dekat denganku di hari kiamat nanti adalah
orang yang paling banyak berselawat kepadaku"
(HR . Tirmidzi; hasan)